

04/09/1997

Malaysia guna cara tersendiri

RIZ Khan memulakan sesi soal jawab selama sejam itu dengan mengemukakan soalan, yang beliau sifatkan sebagai berita utama pada masa ini. Isu masalah kewangan di Asia dan kemarahan Perdana Menteri yang menyalahkan spekulator mata wang;

Soalan (Khan): Menurut anda, sesetengah mereka (spekulator mata wang) patut ditembak. Anda amat marah dengan keadaan yang wujud. Apakah langkah yang anda akan ambil mengenainya?

Dr Mahathir: Tidak banyak yang boleh kita lakukan sebab kita lemah, mengikut perbandingan, kita miskin. Mereka mempunyai berbilion dolar yang mereka boleh gunakan untuk menaikkan harga dan menekan nilai mata wang kita, menekan harga saham dan umumnya, membuatkan kita miskin.

Kita sekarang lebih miskin hampir 20 peratus dan tidak ada orang yang menjadi miskin pada kadar 20 peratus disebabkan manipulasi oleh pihak-pihak ini boleh menerimanya. Walaupun pada hakikatnya kita percaya kepada perdagangan bebas, dunia tidak bersempadan dan seumpamanya.

Soalan (menerusi faks daripada Kenny Lim, Kuala Lumpur): Dengan kejatuhan nilai ringgit dan bursa saham yang menghadapi tekanan, bagaimana anda mahu menukar peraturan pasaran mata wang dunia atau Wall Street yang tidak menentu?

Dr Mahathir: Kita tidak harus terlalu dipengaruhi oleh apa yang berlaku di Wall Street. Asas kita adalah baik. Orang patut menilai kita menerusi prestasi kita. Pada masa ini, wujud satu perbezaan (dikotomi) di antara apa yang berlaku dengan syarikat-syarikat Malaysia dan prestasi mereka. Dan harga-harga saham, sebagai contoh, ataupun nilai ringgit. Nilainya nampaknya bertindak balas terhadap apa yang dilakukan pada ringgit dan saham oleh manipulator yang mempunyai wang yang banyak, yang mana apabila mereka menjual apa yang mereka ada, menyebabkan harga saham nilai ringgit turun. Dan apabila mereka membeli, harganya naik. Mereka ini peniaga asing (outsider traders). Bukan peniaga tempatan (insider traders) kerana mereka tahu apa sebenarnya yang akan berlaku dan mereka memasuki pasaran dan melakukannya supaya mereka boleh mengaut keuntungan untuk diri mereka tetapi memusnahkan rakyat miskin di negeri kita.

Soalan (Anwar, Belgium): Anda adalah pengasas kepada kejayaan ekonomi Malaysia. Apakah nasihat/cadangan anda bagi negara membangun lain yang ingin mencontohi kejayaan ekonomi Malaysia?

Dr Mahathir: Jika Malaysia boleh dianggap contoh, saya fikir salah satu perkara paling penting yang kita capai ialah kestabilan politik. Walaupun mempunyai rakyat pelbagai kaum, kita berjaya bekerja dengan harmoni. Dengan kestabilan politik, kita boleh menumpukan kepada hal-hal ekonomi. Kita merancang ekonomi kita bagi memajukannya dan kita sudah pun melihat hasilnya.

Soalan (warga Eropah di Kuala Lumpur): Baru-baru ini anda mengkritik Australia dan dasar perkauman Pauline Hanson. Soalan saya ialah...Australia mempunyai undang-undang yang memperuntukkan hak sama rata kepada setiap rakyatnya. Di Malaysia, wujud undang-undang yang pada hakikatnya membezakan penduduk. Apakah anda fikir ia memberi manfaat kepada negara ini?

Dr Mahathir: Ya. Ia memberi manfaat kepada negara ini. Kita sudah mengalami pertumbuhan yang amat pantas. Kita mempunyai kestabilan politik. Rakyat gembira. Anda boleh lihat mereka menyambut Hari Kebangsaan. Maka, mereka tidak begitu bimbang (mengenai perbezaan). Tetapi anda bersikap

akademik. Anda tidak menimbang apa yang berlaku di sini. Anda memikirkan kepentingan prinsip anda sahaja daripada apa yang sebenarnya berlaku. Inilah masalah orang yang terlalu mengutamakan teori. Sebab mereka percaya kepada kebebasan, maka kebebasan itu mesti dipaksa kepada semua sekalipun kebebasan itu boleh merosakkan.

Khan kemudian mengemukakan soalan susulan sama ada bukannya itu prinsip demokrasi.

Dr Mahathir: Memang ada prinsip demokrasi. Di Malaysia, rakyat yang memilih kerajaan dan kami berada di sini atas sokongan mereka. Jika mereka (rakyat) tidak sukakan kami, mereka boleh menjatuhkan kami. Tetapi mereka telah menunjukkan sokongan kepada kami dalam banyak cara dan kami fikir itu adalah bukti demokrasi.

Hakikatnya ada yang tidak bersetuju, segelintir yang tidak bersetuju, tidak bermakna kita tidak demokratik. Kita percaya kepada demokrasi dan kita amalkan demokrasi.

Soalan (Joshua dari Hong Kong): Saya ingin tahu. Anda memanggil George Soros seorang 'dungu' yang berduit banyak. Saya ingin tahu bagaimana anda memastikan dia (Soros) bertanggungjawab ke atas kegiatan spekulasi terhadap ringgit sejak kebelakangan ini?

Dr Mahathir: Dia (Soros) mengakui dia terbabit. Sudah tentunya dia kata dia tidak begitu banyak terbabit. Tetapi kita tahu dia mengendalikan beberapa dana dan dana berkenaan digunakan untuk menjatuhkan nilai ringgit. Dan mereka memulakan sesuatu yang diikuti oleh dana lain. Jika tidak, bagaimana ringgit boleh mengalami kejatuhan dengan begitu cepat jika tidak dimanipulasikan pihak tertentu. Ia tidak berlaku secara sendiri.

Soalan (Ernest, Switzerland): Kerana ia datang dari Dunia Ketiga, saya mesti menyatakan bagaimana saya mengagumi pendirian anda menentang imperialisme ekonomi. Adakah anda merasakan negara Dunia Ketiga lain boleh mempelajari idea dan ideologi anda. Bagaimanakah mereka boleh melakukannya?

Dr Mahathir: Saya rasa negara Dunia Ketiga lain boleh mempelajari sesuatu, mungkin daripada kami. Tetapi kapasiti mereka, sudah tentu terhad kerana mereka menghadapi masalah khususnya bagi negara yang merdeka selepas perang, mereka tidak dapat mewujudkan kerajaan demokratik dan gagal mewujudkan kerajaan yang autoritarian. Mereka masih melalui proses belajar cara menguruskan sistem politik dan ekonomi. Kami ada menjemput mereka untuk datang ke Malaysia dan melihat sendiri apa yang kami laksanakan. Dan jika mereka merasakan Malaysia melaksanakan perkara yang terbaik, mereka dijemput mempelajarinya.

Soalan (Khan): Dr Mahathir, umum tahu bagaimana anda membangunkan Malaysia ketika menjadi Perdana Menteri, tetapi ada yang mendakwa mungkin anda terlalu banyak melabur di negara anda, bahawa kemudahan sokongan tidak wujud di sana dan ia mungkin menjadi satu sebab mengapa wujud masalah ketika ini. Mungkin kerana ia tidak mapan, tahap pelaburan ini di Malaysia?

Dr Mahathir: Saya tidak faham mengapa kritikan seperti itu harus wujud. Pada satu masa mereka mengatakan kami tidak memiliki kemudahan mencukupi, dan apabila kami melabur untuk menyediakan kemudahan berkenaan, seperti sebuah lapangan terbang baru untuk menggantikan yang lama, yang gagal menampung trafik sedia ada. Misalnya, lapangan terbang sekarang direka untuk menampung 400,000 penumpang setahun. Hari ini, kami mengendalikan 16 juta penumpang setahun. Sudah tentu kami memerlukan lapangan terbang baru, dan apabila melakukannya, orang mengatakan kami membelanjakan wang dalam projek mega. Begitu juga, kami perlu bekalan elektrik tambahan (yang murah), dan kami sedang membangunkan stesen jana kuasa elektrik yang membabitkan wang yang banyak. Tetapi ia akan membantu kami menjimatkan kos

dalam jangka panjang. Ini adalah kemudahan yang kami sediakan. Namun, kami dikritik kerana melakukannya dan apabila ia tidak disediakan, kami dikritik juga. Kami sebenarnya tidak tahu apa yang mereka mahukan daripada kami.

Soalan (Pemanggil tidak dikenali dari Hong Kong): Saya difahamkan yang anda akan menemui Ketua Eksekutif Hong Kong, Tung Chee-hwa esok (Rabu). Saya ingin tahu apa yang anda akan bincangkan dan apa yang Hong Kong dan Malaysia boleh pelajari antara satu sama lain?

Dr Mahathir: Malaysia dan Hong Kong sudah melakukan banyak urusan perniagaan sejak dulu lagi, kami mahu meneruskan dan ingin tahu bagaimana sistem sekarang boleh meningkatkan hubungan perdagangan dan dalam bidang lain. Sudah pasti, kami perlu tahu lebih lanjut antara satu sama lain dan dengan sistem kerajaan baru di Hong Kong, dengan matlamat meningkatkan hubungan dan perdagangan.

Soalan (E-mel dari Lebanon): Apakah kelebihan dan kekurangan campur tangan Islam secara terus dalam sistem perundangan Malaysia yang sekular?

Dr Mahathir: Tidak ada sebab Islam tidak boleh mempengaruhi undang-undang di Malaysia, tetapi kami memiliki penduduk pelbagai bangsa dan agama dan mereka tidak akan memandang ringan bentuk undang-undang yang berdasarkan agama tertentu. Jadi selagi undang-undang sekular kami tidak bertentangan dengan ajaran Islam, kami merasakan kami melaksanakan yang terbaik untuk agama kerana merasakan Islam tidak mahu kami memaksa undang-undangnya dilaksanakan ke atas orang lain.

Soalan (E-mel daripada M Nasir, Kuala Lumpur): Sejauh manakah ekstremis agama di Malaysia menjejaskan rancangan anda untuk Wawasan 2020?

Dr Mahathir: Unsur itu tetap ada. Bagaimanapun, mereka tidaklah begitu besar atau pun popular. Pandangan mereka terhadap kepada diri mereka sendiri dan kami fikir ia boleh diatasi, bukan menerusi pertentangan tetapi dengan menjelaskan kepada mereka bahawa golongan itu (ekstremis) sebenarnya menerima gambaran salah mengenai Islam. Dan kami secara jujur percaya bahawa interpretasi mereka terhadap Islam sedikit terpesong. Dengan cara itu, kita boleh mengatasi sebarang gangguan yang mereka buat.

Soalan (Asahi dari Indonesia): Walaupun jika kita menjangkakan Soros menjadi dalang isu mata wang Asia Tenggara, mengapakah ia berbeza daripada kegagalan usaha Bank Negara (Malaysia) untuk mengawal Sterling (mata wang Britain)?

Dr Mahathir: Ia berlaku selepas apa yang Soros buat. Kami turut mengalami depresiasi terhadap mata wang lain juga. Tetapi kami tidak bimbang dengan Sterling. Hakikatnya ialah kami kini terpaksa menggunakan lebih banyak ringgit untuk membeli barangan import dari negara berkenaan, yang mata wang mereka meningkat. Jadi kami terpaksa melihat kepada semua dan bukan saja satu pihak saja.

Soalan (E-mel dari Amin Uddin, Taiwan): Khabar angin mendakwa Malaysia akan melabur secara besar-besaran di Pakistan. Sejauh manakah minat anda di Pakistan?

Dr Mahathir: Kami amat berminat dengan Pakistan tetapi kapasiti untuk melabur di negara lain amatlah terhad. Sudah tentu kadarnya tidak sama dengan Taiwan, Jepun atau negara lain. Bagaimanapun, setakat ini cadangan mereka amat menarik dan kami sudah tentu akan mengkaji dan melabur.

Soalan (Pemanggil wanita dari Port Dickson, Malaysia): Apakah rahsia anda dalam mengekalkan keremajaan anda, walaupun sudah berusia dan melalui pembedahan jantung, serta jadual kerja yang sibuk?

Dr Mahathir: Sebenarnya, saya sendiri tidak tahu. Bagaimanapun, saya pernah memberitahu orang bahawa anda perlu bijak memilih ibu bapa (berseloroh).

Soalan (Khan): Mengenai pelaburan dan urusan kewangan Malaysia di Asia, saya difahamkan kira-kira 40 peratus perdagangan Asia berbentuk serantau.

Sejauh manakah faktor ini menghadkan simpanan `stok penimbale' yang dimiliki Malaysia apabila krisis seperti ini melanda. Berapa banyakkah keperluan yang ada bagi anda untuk melihat di luar sempadan Asia untuk pelaburan dan perdagangan, dan untuk meluaskannya melebihi kadar 40 peratus itu, yang boleh membantu anda apabila keadaan ini berlaku semula?

Dr Mahathir: Sebenarnya, jika kita tidak bergantung kepada negara lain di dunia, kita tidak akan menghadapi masalah ini. Perdagangan Malaysia terbahagi seimbang di seluruh dunia... 18 peratus (Amerika Syarikat), 20 peratus (Eropah) dan 22 peratus (Jepun). Jadi ia adalah satu pecahan yang baik. Tetapi banyak pelabur yang memasuki pasaran untuk membeli saham, menaikkan harga dan kini mereka memutuskan untuk menjual saham berkenaan, dan menjatuhkan harga. Kerana itu, kami amat terdedah kepada manipulasi pelabur tertentu yang lebih mementingkan keuntungan, tanpa mengira apa pun berlaku kepada kami.

Soalan (Garcia, Konsul Kehormat Malaysia di Rio de Janeiro, Brazil): Saya ingin tahu wawasan saudara mengenai masa depan hubungan ekonomi di antara Malaysia dan Brazil?

Dr Mahathir: Kami percaya dalam kerjasama Selatan-Selatan. Kami percaya Brazil masih salah satu negara Selatan. Kami merasakan setiap negara Selatan berdagang dengan Utara dari dulu. Jadi ia sudah tentu ia menguntungkan bagi peniaga dari Utara. Jadi tidak ada sebab bagi kami untuk tidak berdagang antara satu sama lain, khususnya sekarang apabila kapasiti kami sudah meningkat ke satu tahap sehingga menjadi sumber gantian bagi kebanyakan keperluan banyak negara Selatan, dan dengan itu, kami ingin menyaksikan perdagangan yang lebih di antara Malaysia dan Brazil dan kami dalam proses menyelesaikan masalah jarak dengan menggunakan kapal yang lebih besar, kami merasakan kos boleh dikurangkan.

Soalan (Pemanggil tidak dikenali dari Malaysia): Mengenai rasuah... Anda bertindak tegas mengenai rasuah tetapi bagaimana anda melihat keluarga dan anak menteri kanan terbabit dalam perniagaan, sehingga menjadikan mereka di mata masyarakat sebagai pengamal rasuah?

Dr Mahathir: Kita tidak boleh membuat andaian bahawa semata-mata kerana mereka adalah anggota keluarga seorang menteri, mereka sudah tentu menggunakan hubungan mereka. Jika ada hubungan dalam bentuk naungan terbabit daripada proses membuat dasar. Orang lain akan membuat keputusan tetapi sudah tentu ia akan dianggap sebagai tidak berkesan. Tetapi kita tidak boleh menganggap anak pegawai kerajaan semestinya miskin, tidak boleh berniaga, tidak boleh bekerja dalam kerajaan kerana ia bermakna wujudnya naungan juga. Mereka tidak diharap melakukan apa-apa kecualii menjadi miskin, saya rasa ia agak tidak adil dan tidak logik. Jika mereka melakukannya sendiri, tanpa membabitkan kerajaan, saya rasa mereka berhak berniaga atau bekerja dengan kerajaan.

Soalan (Khan): Ke tahap manakah ia dianggap suatu kebudayaan Asia. Mungkin ramai orang melihatnya sebagai satu cara hidup Asia kerana nilai keluarga dan hubungan. Sering kali wujud suatu perkara yang dipanggil dinasti dengan keluarga terbabit dengan pelbagai perkara?

Dr Mahathir: Saya melihat banyak rasuah di kalangan Menteri British, Perancis, Itali dan sudah tentunya ahli politik Amerika. Ada yang terbabit secara langsung. Malah ada anak Presiden (AS) mempunyai perniagaan sendiri. Saya pernah menemui salah seorang daripada mereka, ketika ayah mereka masih menjadi Presiden. Saya tidak pernah menganggap mereka rasuah, kecualilah mereka mahu saya membayar sejumlah wang jika mahu menemui ayah mereka. Barulah saya menganggap mereka rasuah. Rasuah bukan budaya Asia. Ia adalah sesuatu yang global, dan tidak boleh dianggap perkara biasa mengenai Asia.

Soalan (Tony dari London): Saya ingin tahu apakah justifikasi tindakan anda mengenakan cukai import yang tinggi terhadap barangan luar yang masuk

ke Malaysia sedangkan pada ketika yang sama anda mengecam halangan perdagangan yang dikenakan ke atas kemasukan barangan Malaysia di negara industri, di sini saya mengambil contoh mengeksport kereta ke Malaysia. Bolehkah anda jelaskan?

Dr Mahathir: Kami adalah negara kecil. Kami tidak membeli banyak kereta. Jika anda mahu mewujudkan industri kereta, anda perlu memberi sedikit perlindungan untuk industri kereta anda, jika tidak anda akan sentiasa membeli kereta daripada negara maju yang kaya. Ia tidak menjejaskan mereka.

Jika anda datang ke Malaysia, anda akan lihat pelbagai jenis kereta di jalan raya. Mereka (pemilik kereta) membayar cukai import yang tinggi tetapi mampu membeli banyak Jaguar dan Mercedes. Saya rasa ada banyak kereta jenis mewah yang mahal harganya di Malaysia berdasarkan per kapita berbanding dengan negara membangun atau negara maju. Cukai tidak menjejaskan mereka.

Soalan (Johnson dari Malaysia): Dengan pelbagai masalah mengenai cetak rompak perisian dan perkakasan komputer, apakah yang membuat anda yakin projek Koridor Raya Multimedia (MSC) akan berjaya?

Dr Mahathir: Kami akan cuba mengawal masalah ini sedaya mungkin. Sudah tentu ia tidak dapat dilakukan sepenuhnya. Tiada undang-undang di dunia yang mampu menghapuskan sama sekali kegiatan ini (cetak rompak sofwer). Tetapi Malaysia lebih komited menentang kegiatan cetak rompak berbanding kebanyakan negara lain kerana ada rakyat kami yang menderita disebabkan.

Soalan (Pemanggil tidak dikenali, Ireland): Apa pandangan dan dasar anda terhadap industri kecil dan sederhana, terutama berkaitan pemindahan teknologi dan kerjasama?

Dr Mahathir: Kita sangat menggalakkan IKS sebab kita memerlukan industri ini untuk menyokong industri utama yang kita ada. Contohnya, industri automobil, bagi menyokongnya, kita ada banyak insentif, menggalakkan usahasama dengan pengusaha tempatan supaya berlaku pemindahan teknologi.

Setakat ini, ia berjalan lancar. Apabila kita mulakan industri automobil, hanya lapan peratus (komponen) kenderaan dihasilkan di Malaysia. Hari ini, 82 peratus daripadanya dikeluarkan oleh IKS untuk industri automobil. Kita berjaya dalam IKS.

Soalan (Khan): Perdana Menteri, anda terbukti curiga dengan pengaruh media Barat di Malaysia. Sejauh mana anda rasa perlu untuk menyekat media di negara anda?

Dr Mahathir: Kami mempunyai masalah di Malaysia iaitu masalah perkauman yang sangat sensitif. Jika anda membenarkan media menyemarak dan mengapikan rakyat untuk bergaduh antara satu sama lain, ia akan menggugat kestabilan negara dan politik kami. Itu bermakna kita terpaksa menanggung padahnya. Untuk itu, kita perlu mengawal liputan berita. Selain daripada itu, mereka bebas. Dan, jika anda membaca sesetengah akhbar pelbagai bahasa di Malaysia, bukan hanya akhbar berbahasa Inggeris, anda akan dapati banyak kritikan terhadap kerajaan. Hampir setiap hari mereka tidak pernah ketinggalan mencari kesalahan kerajaan dan kami tidak bertindak untuk menarik balik lesen atau seumpamanya.

Soalan (Samy, Switzerland): Tidakkah suatu kesilapan untuk mengapungkan ringgit dan adakah kadar pertukaran tetap boleh menyelesaikan krisis itu?

Dr Mahathir: Kita percaya terhadap pengapungan tetapi mesti ada sesuatu yang nyata yang boleh mempengaruhi nilai ringgit. Sebagai contoh, jika ekonomi kita baik, tentu nilai ringgit naik. Jika ekonomi jatuh, ia mungkin susut.

Tetapi apa yang kita tidak setuju ialah tindakan orang yang memanipulasi ringgit untuk mengaut keuntungan sendiri dan dalam proses itu, menyebabkan rakyat kita miskin. Dan rakyat di negara lain juga. Sepatutnya tidak ada

kadar pertukaran tetap tetapi ia wajar berkaitan dengan prestasi ekonomi sesebuah negara.

Soalan (Bulbir Singh, Seremban): Apa rancangan anda untuk menangani mereka yang cuba memanipulasi ekonomi Malaysia atau pembangunan?

Dr Mahathir: Kami tidak ada kuasa untuk menangkap mereka yang menjejaskan ekonomi kami tetapi kami ada rancangan untuk mencegah manipulasi yang keterlaluan. Contohnya, kami telah menghentikan jualan singkat di Malaysia kerana ia jelas menjejaskan ekonomi kami. Apa yang biasa dilakukan ialah meminjam saham daripada bank atau mendapatkan sokongan bank untuk meminjamkan saham mereka dan kemudian mereka menjual saham-saham ini dengan harga berlipat ganda. Mereka membelinya apabila harga saham jatuh dan menjualnya pada harga tinggi.

Soalan (Khan): Sejauh manakah sekatan-sekatan yang anda kenakan boleh menjejaskan Wawasan 2020 anda, yang boleh membantutkan pertumbuhan ekonomi Malaysia?

Dr Mahathir: Tentulah ia akan membawa kesan jangka pendek kepada negara ini. Tetapi pada jangka panjang, sekiranya kita dapat mengatasi krisis sekarang, kita yakin orang akan datang ke Malaysia dan berdagang di Malaysia semata-mata kerana ia adalah perniagaan menguntungkan. Saya tidak begitu menggemari dasar Amerika tetapi kami mempunyai jumlah syarikat Amerika yang besar melabur di Malaysia kerana ia menguntungkan mereka. Tentulah ia juga bermanfaat untuk kita.

Soalan (Lee, Kuala Lumpur): Sudah sampailah masanya untuk kerajaan beralih daripada langkah jangka pendek seperti melindungi bursa saham dan melihat pada langkah jangka panjang untuk masa depan?

Dr Mahathir: Mungkin tidak akan ada langkah jangka panjang kecuali kita mengatasi masalah yang ada secepat mungkin. Adalah serius apabila kita mendapati modal bursa saham merosot pada kadar RM500 bilion dan kita tidak mampu membiarkannya. Kita perlu berbuat sesuatu untuk menghentikannya. Tentulah negara lain juga menderita tetapi barangkali mereka tidak berupaya untuk berbuat sesuatu. Tetapi kerana kita mempunyai keupayaan untuk menanganinya, kita akan berbuat demikian.

Soalan (Antonio dari Indonesia): Selamat petang Dr Mahathir. Pertama saya suka menyatakan bahawa anda melakukan tugas yang baik untuk Malaysia dan kami berbangga terhadap anda. Adakah benar Malaysia dan Indonesia akan bekerjasama membina sebuah jambatan untuk menghubungkan kedua-dua negara dan apakah keuntungan hasil projek itu kepada Malaysia?

Dr Mahathir: Kita perlukan jambatan ini kerana perhubungan perlu dipermudahkan sebab kami mempunyai ramai pekerja Indonesia. Mungkin lebih baik jika kita mempunyai jambatan dan kita boleh memulakan sektor industri di Indonesia dan pada ketika yang sama kita ada industri di Malaysia. Pekerja Indonesia masih boleh tinggal di negaranya di mana kos kehidupan murah dan datang bekerja di Malaysia pada siang hari untuk memperolehi pendapatan yang lebih baik berbanding bekerja di Indonesia.

Keadaannya tidak sama seperti di antara Singapura dan Johor yang mana pekerja Malaysia tinggal di Johor dan bekerja di Singapura. Saya pasti ada banyak kelebihan lain.

Soalan (Henry Udueni, United Kingdom): Adakah anda fikir corak Barat, demokrasi, dasar politik dan ekonomi sesuai bagi negara membangun?

Dr Mahathir: Seseengah caranya sesuai tetapi seseorang itu tidak mempunyai definisi yang kaku mengenai demokrasi. Biasanya, jika majoriti rakyat akan membuat keputusan terhadap apa yang mahu mereka lakukan, ketika itu saya fikir, itu akan mewujudkan demokrasi tetapi sekarang, (takrif) demokrasi sudah diperluaskan yang bermakna golongan minoriti dan orang perseorangan mesti diberikan kebebasan kepada suatu tahap mereka boleh menafikan hak majoriti.

Kita tidak fikir di Malaysia kita mahu amalkan corak (demokrasi) seperti

itu. Kita percaya bahawa di Malaysia, kemahuan majoriti mesti dipenuhi dan mereka mempunyai hak kepada suatu kehidupan yang aman dan produktif, begitu juga individu dan individu tidak boleh menarik hak mereka (majoriti) hanya kerana mereka diberikan pertimbangan yang istimewa.

Soalan (pemanggil tidak dikenali, Malaysia): Saya ingin tahu, apakah anda fikir undang-undang mengenai Bumiputera, yang memberi keistimewaan kepada etnik Melayu menjadi penyumbang kepada sentimen negatif di kalangan pelabur asing di negara ini?

Dr Mahathir: Tidak, saya tidak fikir begitu. Kita sudah ada undang-undang untuk sekian lama dan kita boleh lihat bahawa Malaysia membangun dan mengalami pertumbuhan yang begitu pantas, lebih pantas berbanding negara lain yang tidak mempunyai undang-undang seperti itu.

Jadi, anda tidak boleh menyalahkan undang-undang terhadap apa yang berlaku baru-baru ini, yang mana turut berlaku di banyak negara di mana tidak ada undang-undang seperti itu dikuatkuasakan.

Soalan (Khan): Saya mahu bertanya mengenai peranan anda dalam membawa Burma terbabit dalam Asean, sehingga pada satu tahap, meletakkan anda tidak sependapat dengan banyak negara Barat. Banyak pihak yang cuba menentang rejim Burma. Apa perasaan anda mengenai penentangan daripada negara-negara itu. Adakah anda menerima sokongan?

Dr Mahathir: Kami menerima banyak sokongan di kalangan negara Asean dan negara lain kerana kami percaya adalah salah bagi rakyat sebuah negara dihukum kerana sistem pentadbiran atau kerajaan mereka. Jika hendak menghukum, hukumlah kerajaan itu. Mengenakan sekatan ke atas negara itu, menghalang rakyatnya daripada menerima makanan dan perubatan, untuk memaksa mereka menjatuhkan kerajaan mereka (menyebabkan penduduk menjadi sengsara) adalah cara yang salah. Kami ada cara tersendiri dan ia adalah berhubung dengan negara itu dan berbincang. Tolong mereka dan bukan menyusahkan. Jika kita tidak berbincang, kita tidak boleh mempengaruhi mereka langsung.

Soalan (Khan): Anda ada menyebut bahawa anda mungkin memulaukan Sidang ASEM kerana Burma dikecualikan oleh Britain?

Dr Mahathir: Kami adalah anggota Asean dan orang lain di luar Asean tidak boleh memberitahu kami siapa yang sepatutnya menjadi anggota Asean. Sama ada anda menerima Asean secara keseluruhannya atau tidak langsung. Saya bukan bercakap bagi pihak Asean, tetapi secara peribadi. Tetapi jika saya dapati ada orang yang cuba memaksa kami berbuat sesuatu, saya mungkin tidak akan hadir.

Soalan (Siti, Singapura): Anda adalah pemimpin Asia Tenggara yang paling saya kagumi. Tidakkah anda merasakan sudah sampai masanya ibu pejabat Asean yang dipanggil Asean House diwujudkan sebelum EAEC boleh bergerak?

Dr Mahathir: Kami tidak mahu menjadi blok perdagangan. Kami ada Sekretariat Asean yang memainkan peranan kecil. Kami tidak mahu ia menjadi perkumpulan yang terlalu teratur, yang akan bertentangan dengan seluruh dunia. Kami mahu dilihat sebagai bebas dan pada masa yang sama mahu dikaitkan sesama kita apabila ada keperluan. Tetapi ia tidak seharusnya membatasi kami daripada mempunyai dasar sendiri, dasar luar negara sendiri dan lain-lain.

Penubuhan ibu pejabat Asean dengan kakitangan tetap, sama seperti PBB tidak perlu. Saya fikir tanpanya kami masih menggerakkan EAEC.

Soalan (Khan): Walaupun ada perkumpulan perdagangan di Amerika Utara contohnya dan di Eropah, negara-negara Asia akan lebih berjaya bersendirian mengikut keperluan. Adakah itu ideanya?

Dr Mahathir: Ya. Itulah ideanya. Kami tidak fikir perlu mewujudkan blok perdagangan kerana blok sedemikian memberi gambaran seolah-olah ada konfrontasi terhadap pihak lain. Semacam ada keistimewaan... Kami tidak mahu menjadi eksklusif, kami adalah pasaran terbuka, kami terbuka kepada

semua, kami bebas melakukan apa yang kami inginkan tetapi apabila ada masalah bersama, kami menggembeleng tenaga untuk berbincang dan barangkali mengambil langkah bersama.

Soalan (Pemanggil tidak dikenali, Malaysia): Dengan meletakkan negara kira-kira 30 tahun melebihi Wawasan 2020, apa yang anda mahu daripada pengganti anda, seorang yang berwawasan atau pengurus?

Dr Mahathir: Saya fikir kami perlukan pengurus lebih daripada perancang berwawasan. Jika orang asyik merenung masa depan saja, dan tidak berbuat apa-apa, kita tidak akan sampai ke sana dan mencapai sasaran. Saya fikir pengurus lebih diperlukan pada masa depan.

Soalan (Khan): Sebagai pemimpin berpengaruh di dalam dan di luar rantau ini, sesetengah orang berpendapat anda tiada pilihan. Anda akan disukai atau dibenci. Bagaimana anda melihat diri anda dinilai?

Dr Mahathir: Saya fikir saya menerima sokongan. Ini digambarkan dalam banyak cara di Malaysia. Apabila saya di luar negara, ramai orang memuji Malaysia. Mereka anggap Malaysia sebagai negara contoh. Apabila tiba masanya saya rasa tidak disukai, saya akan berundur.

Soalan (Pemanggil, Hong Kong): Banyak nilai Barat mula meresap ke Asia. Apa langkah atau tindakan yang anda cadangkan untuk mengekalkan nilai-nilai Asia?

Dr Mahathir: Pertama, kita mesti jelaskan apakah itu nilai Asia dan selepas itu, kita mesti yakinkan diri kita bahawa kita bukan lebih rendah daripada nilai Barat. Malah nilai Asia adalah nilai sejagat dan orang Barat pernah mengamalkan nilai-nilai itu sebelum ini. Tetapi kini mereka sudah membuangnya disebabkan sikap mementingkan diri dan pendekatan materialistik. Jadi kita tidak boleh meniru mereka.

Soalan (Khan): Anda berumur dalam lingkungan 70-an dan tahap kesihatan anda lebih baik daripada saya. Adakah anda mahu terus memimpin atau mencari pengganti?

Soalan (Henry, England): Apa yang akan berlaku kepada Malaysia selepas anda bersara?

Dr Mahathir: Saya rasa tiada perubahan radikal akan berlaku jika saya tiada. Kami memiliki kepemimpinan yang bekerjasama dan erat. Di Malaysia, sejak 40 tahun lalu, kami mengalami pertukaran pemimpin tanpa sebarang masalah besar. Kini saya sudah menamakan pengganti saya. Tiada masalah di sini. Persoalannya ialah bila saya akan melepaskan jawatan itu. Ia amat sukar untuk ditentukan. Tetapi saya rasa saya boleh melihat tandatandanya.

Soalan (Khan): Jadi tidak ada tanda sama ada anda akan meneruskan kepemimpinan untuk satu penggal lagi?

Dr Mahathir: Apabila tiba masanya, saya akan membuat keputusan.

(END)